



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PENOLONG PEGAWAI PROJEK TINGKAT II (C.2 EB.3)
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat dan Peduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PEGAWAI PROJEK TINGKAT II
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

SECARA AM

1. Mengumpulkan data / maklumat dan menyediakan perangkaan (statistik) berkaitan dengan projek.
2. Menyediakan laporan / kertas kerja yang berkaitan dengan projek.
3. Menyelaras dan menyediakan cadangan-cadangan projek Jabatan dan yang melibatkan Jabatan.
4. Menyemak bayaran-bayaran kemajuan kerja.
5. Menilai kedudukan-kedudukan projek dan membuat laporan.



DI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

1. Membantu Ketua Unit Aset, Unit Pentadbiran, Bahagian Pengurusan dan Kewangan (BPK) untuk memastikan pemeliharaan aset dan juga bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan teratur dan selamat;
2. Membantu Ketua Unit Aset untuk kerja-kerja penyelarasan hal ehwal aset dengan Jabatan-Jabatan di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan;
3. Membantu dalam merangka jadual kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan bangunan dan kemudahan di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan;
4. Menyediakan status laporan pelaksanaan kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan bangunan dan kemudahan di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan setiap 3 bulan dan secara tahunan kepada Ketua Unit Pentadbiran;
5. Menyediakan laporan teknikal bagi cadangan pembaikan aset yang terdapat di bangunan dan persekitaran bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan;
6. Menyusun / mengatur kerja-kerja tindakan pembaikan yang terdapat di borang kerosakan yang dihadapkan ke Unit Aset;
7. Membantu Ketua Unit Aset dalam melaksanakan kerja-kerja pengurusan dan pemeliharaan kenderaan kerajaan di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan dan Kewangan (BPK) termasuk:
 - i. Menyelaras hal ehwal pemandu Kementerian dan penggunaan pemandu ke Jabatan-Jabatan lain;
 - ii. Menyelaras penggunaan dan pemeliharaan kereta BG Kementerian;
 - iii. Menyelaras kad-kad inden membeli minyak kenderaan Kementerian;
 - iv. Menyelaras tuntutan pembelian minyak kereta BG untuk pembayaran; dan
 - v. Menyelaras dan menyemak penggunaan buku catatan perjalanan kenderaan BG (*LOG BOOK*);
8. Membantu Ketua Unit Aset di Unit Pentadbiran dalam kerja-kerja penyediaan skop dan spesifikasi Sebut Harga atau Tawaran yang berkaitan dengan hal ehwal pengurusan aset Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan
9. Menyelaras keperluan Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (*HSE*) bangunan serta penjagaan kebersihan dalam dan luar kawasan bangunan.